

## **Guru Efektif dan Peranan Guru dalam Mencapai Objektif Persekolahan Sekolah Rendah: Perspektif Guru Besar**

oleh

**Mohamad Johdi Hj. Salleh**  
Institut Pendidikan  
International Islamic University Malaysia

### **ABSTRAK**

*Kertas kerja ini akan membincangkan objektif sekolah rendah yang merupakan peringkat teras kanak-kanak menerima pendidikan formal. Pada tahap ini, perkembangan kanak-kanak adalah paling aktif dan menjadi faktor utama untuk kejayaan persekolahan menengah dan seterusnya peringkat lebih tinggi. Dalam kertas kerja ini akan dipaparkan suatu kajian mengenai persepsi Guru Besar terhadap pengertian 'guru efektif' dan 'peranan guru' dalam mencapai objektif persekolahan sekolah rendah. Kajian ini melibatkan 35 orang Guru Besar pelbagai kaum dan jantina yang sedang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan kaedah soal-selidik dan soalan terbuka. Kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai pengertian tentang 'guru efektif' dan 'peranan guru' terutama dari segi keutamaan. Di harap hasil kajian ini akan memberi inspirasi kepada pelbagai pihak khususnya yang terlibat dalam pendidikan sekolah rendah.*

### **PENGENALAN**

“Seorang guru baru mendapat penempatan mengajar di sebuah sekolah luar bandar. Pengetua meminta beliau mengajar subjek Sejarah di Tingkatan Enam Atas yang bakal menduduki peperiksaan STPM. Guru asal berpindah manakala guru yang berpengalaman mengajar lebih sepuluh tahun menolak untuk mengambil alih. Guru baru tersebut menerima permintaan Pengetua dengan rasa tanggung jawab walaupun hatinya agak berat. Guru baru berkenaan sentiasa berbincang dengan seorang guru kanan yang juga baru dipindahkan ke sekolah tersebut. Di atas dorongan pengetua, kerjasama Guru Penolong Kanan, kegigihan guru serta motivasi ke atas pelajar oleh guru berkenaan, menghasilkan pencapaian STPM melonjak dari 25 peratus mendapat prinsipal Sejarah kepada 75 peratus. Pada lazimnya antara lima atau enam pelajar layak masuk ke universiti, namun pada tahun tersebut seramai dua puluh lima orang diterima masuk ke universiti”

Berdasarkan nukilan di atas, saya rasa terpenggil dan optimistic untuk membincangkan kriteria guru efektif dan peranan mereka dalam mencapai objektif persekolahan.

### **Ciri-ciri Guru Efektif**

**Menentukan Objektif Pengajaran dan Pembelajaran:** Ciri utama guru berkesan atau guru efektif ialah menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran dengan jelas dan saksama berasaskan tahap pencapaian murid. Objektif perlu dimaklumkan dan diketahui oleh murid-

murid sebelum pembelajaran bermula. Penetapan sedemikian membolehkan mereka menyediakan dan mengubahsuai *mind-set* yang tepat terhadap pengetahuan, kemahiran dan perlakuan yang perlu dicapai apabila pembelajaran tamat. Guru boleh mengukur dan menilai tahap pencapaian murid berdasarkan hasil pembelajaran atau *learning outcome*. Kelainan perolehan dan pencapaian di dalam suatu pembelajaran adalah perkara biasa.

Walau bagaimanapun, jika terdapat perbezaan yang terlalu besar dalam min pencapaian, guru perlu menyemak semula tentang kelemahan atau kesilapan dalam pengajarannya, untuk usaha penambah-baikkan. Pendekatan ini akan memudahkan guru membuat susulan agar objektif pengajaran dan pembelajaran dicapai pada tahap maksimum. Penentuan objektif amat mustahak dalam pengajaran dan pembelajaran, ibarat kapal belayar perlu menentukan hala tuju agar sampai ke destinasi mengikut jadual. Seseorang guru tidak akan mencapai tahap efektif sekiranya tidak menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran, umpama perjalanan tanpa tujuan akan mundar mandir, terhoyong hayang dan ke hulu ke hilir, hingga akhirnya kecundang sendirian.

**Menyediakan Rancangan Mengajar:** Guru mesti membuat perancangan pelajaran sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran, termasuklah guru berpengalaman, guru cemerlang dan guru pakar. Persediaan mengajar oleh guru akan melibatkan masa yang berbeza mengikut pencapaian murid, kelas, bahan, dan kearifan individu guru. Objektif dan isi pelajaran disusun mengikut keutamaan atau kefahaman murid, seperti bermula daripada aspek yang mudah kepada yang lebih sukar, aspek yang berada dalam pengetahuan atau pengalaman murid kepada perkara yang belum berada dalam pengetahuan dan pengalaman mereka. Setiap perkembangan pelajaran diikuti pula oleh aktiviti murid secara terancang dan sebahagainya spontan. Pendekatan berasaskan *spiral curriculum* membolehkan murid mengembangkan ilmu sedia ada dan memantapkan pengalaman tersedia. Mereka akan mengikuti pengajaran peringkat demi peringkat, langkah demi langkah, fakta demi fakta, yang keseluruhannya secara sistematik dan efektif.

Guru menerajui haluan perkembangan pengajaran dengan murid-murid mengayuh bersama menuju ke destinasi yang diketahui bersama. Usaha dan kebersamaan sedemikian boleh mempercepatkan perolehan kandungan pembelajaran dan seterusnya peningkatan pencapaian. Penerangan disampaikan secara susunan tanpa memasukkankan terlampau banyak isi pelajaran dalam sesuatu masa berasaskan pendekatan *teach sequentially and globally*.

**Pengetahuan, Kemahiran dan Kecekapan Bidang:** Seseorang guru efektif semestinya mempunyai kecekapan yang mendalam dalam bidang atau subjek yang diajar. Guru perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang komprehensif terhadap bidangnya.

Guru seharusnya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam subjek diajar agar sentiasa kemaskini, menarik, bertenaga dan inspirasional. Ada kalanya murid bertanya perkara melebihi sukatan pelajaran atau kurikulum yang tertera dalam buku teks. Sekiranya guru berkebolehan menjawab dengan tepat bersama fakta dan bukti kukuh, pasti akan menimbulkan minat, keyakinan dan kecenderungan murid untuk mengikuti lanjutan epistemologi disiplin tersebut. Lebih menarik dan efektif sekiranya guru dapat menghidupkan ilmu berkenaan dan mengaitkan dalam kehidupan murid. Murid akan melihat dan menilai ilmu yang dipelajari adalah berguna untuk dirinya pada masa ini dan akan datang.

Demikian sebaliknya, jika guru gagal untuk menjawab pertanyaan murid atau sentiasa menangguk jawapan, menyebabkan murid kurang berkeyakinan kepada guru tersebut dan hilang minat. Lebih-lebih lagi jika guru sentiasa menghalang murid-murid daripada bertanya

perkara yang di luar kurikulum, sedangkan berminat untuk mengetahui, berkemungkinan mereka kehilangan kecenderungan untuk bertanya dan hilang minat untuk mempelajari subjek yang diajar oleh guru berkenaan. Jika halangan dan gangguan terhadap perkembangan murid-murid berlanjutan, situasi ini akan mengakibatkan perencatan dan pembunuhan minat mereka untuk belajar.

**Kepelbagaian Kaedah Mengajar:** Pembelajaran akan berjalan dengan lancar, menarik dan berkesan sekiranya guru menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan kemahiran yang akan dicapai oleh murid. Guru perlu *employ a wide variety of methods* untuk menyampaikan kandungan pelajaran berbentuk teori dan amali. Guru perlu sentiasa mengubahsuai strategi mengikut jangkakan keberkesanan penggunaan sesuatu kaedah. Guru yang berhasrat untuk menjadikan pengajarannya efektif, seharusnya membuat kajian atau penyelidikan mengenai kaedah yang paling sesuai untuk sesuatu isi pelajaran, topik atau kemahiran. Kajian saintifik perlu dibuat untuk menilai kekuatan dan kelemahan kaedah yang digunakan. Guru perlu berkemahiran dalam membuat kajian tindakan atau pemerhatian saintifik.

Kajian menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan amat berperanan penting sebagai sumber kefahaman, minat dan komitmen murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Murid lebih tertarik kepada kaedah yang kemaskini dan menggunakan peralatan elektronik seperti komputer, internet, power point, dan video. Walau bagaimanapun, guru yang bijak menggunakan gaya tingkahlaku dan intonasi suara, bercerita, memek muka humor, akan tetap menarik minat pembelajaran dan murid mengikuti pengajaran secara efektif.

**Keceriaan, Interaksi dan Penglibatan Murid:** Guru efektif sentiasa berfikir dan merancang aktiviti penglibatan murid-murid dalam pengajaran. Kemahiran berkomunikasi dan interaksi kependidikan pelbagai hala guru-murid, murid-murid, dan murid-guru menjadi teras keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Murid akan merasa pendapat dan kehadirannya diperlukan serta dihargai. Murid-murid perlu mengenali di antara satu sama lain, saling berinteraksi dan menggunakan panggilan baik-baik serta digemari yang membuktikan saling *communicate with interest and enthusiasm*.

Semasa menyampaikan pengajaran guru seharusnya mempunyai pemikiran positif dan bersangka-suka terhadap murid agar ilmu yang disampaikan diterima dengan hati terbuka, ikhlas, telus, tulus, berminda ceria dan humor. Memandang terus dan telus terhadap individu murid dan melihatnya dengan penuh empati serta *use intrinsic and extrinsic rewards more often than penalties*. Situasi sedemikian akan dapat menimbulkan interaksi positif dan konstruktif yang menghasilkan keberkatan ilmu yang disampaikan demi manfaat jangka pendek dan jangka panjang murid dan guru. Masyarakat dan negara akan memperolehi manfaat seterusnya.

**Motivasi, Minat dan Mencungkil Sikap Ingin Tahu:** Murid-murid boleh digalakkan untuk mengemukakan soalan, pendapat dan menjujukcara perlakuan. Penglibatan murid-murid secara aktif akan menimbulkan minat yang tinggi dan berazam untuk terus berada dalam pembelajaran. Guru perlu mencari faktor-faktor yang boleh menimbulkan minat dalam pengajaran. Ada kalanya faktor ini berbeza-beza di antara satu kumpulan atau kelas murid. Apabila guru berjaya mencetuskan minat murid-murid, mereka bukan saja akan terlibat secara aktif, bahkan sentiasa mengunggu-nunggu kedatangan guru berkenaan. Ramai penyelidik psikologi mendapati bahawa minat atau kecenderungan merupakan faktor utama penglibatan serius murid dalam sesuatu pembelajaran. Diandaikan semut yang naik ke puncak Gunung Kinabalu kerana minat dan dorongan terdapatnya gula atau manisan di Puncak Low.

**Kejelasan penyampaian dan penghuraian isi pelajaran:** Ramai penonton terpesona dengan persembahan dan jalan cerita yang menarik serta mudah difahami. Mereka sanggup menunggu beberapa jam sehingga cerita tamat walaupun bahasa yang dituturkan tidak difahami sepenuhnya. Justeru, penyampaian guru yang jelas dan mudah difahami oleh murid akan menjadikan mereka lebih beminat dan mengikuti pembelajaran sehingga tamat. Kepelbagaian dalam gaya penyampaian dan bahasa yang mudah difahami serta formula yang tahu aplikasi akan menjadikan pembelajaran murid bertambah komited dan efektif.

Guru seharusnya mengetahui taraf kebolehan bahasa murid, pencapaian pengetahuan, dan kefahaman aplikasi sesuatu teori atau formula. Imam Al-Ghazali mengingatkan agar guru menggunakan bahasa yang mudah, penerangan yang jelas, dan perbincangan isi pelajaran yang di dalam pengetahuan dan kemahiran murid yang diajar. Guru perlu mengelakkan daripada menggunakan bahasa dan penerangan yang berliku-liku, berbelit-belit, perkataan sukar, dan bombastik. Ini bererti penyampaian berbeza di antara murid sekolah rendah dengan sekolah menengah, murid pintar dengan sederhana, dan murid normal dengan pendidikan khas. Kepelbagaian gaya bahasa dan penerangan yang jelas akan memudahkan murid menerima dan memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru seterusnya dapat meningkatkan prestasi pembelajaran. Sebagai kesediaan awal murid-murid perlu dicerna dan mahirkan kefahaman mereka dalam aspek bahasa seperti yang ditunjukkan dalam objektif KBSR.

Guru seharusnya berkebolehan dalam menerangkan secara jelas mengenai sesuatu konsep abstrak dan konkrit iaitu *explain and illustrate concepts both abstractly and concretely*. Perkara abstrak boleh dikaitkan dengan pengetahuan dan pengalaman murid atau sesuatu yang mempunyai persamaan dengan membuat andaian. Guru boleh juga melakarkan dalam bentuk tulisan, gambar rajah atau carta. Penerangan konsep konkrit perlu diikuti oleh perbuatan atau tindakan murid demi mengukuhkan konsep yang konkrit dengan objek sebenar.

**Ujian dan Penilaian:** Guru seharusnya berkemahiran mengemukakan pelbagai jenis soalan dengan tujuan tertentu berasaskan konsep penysoalan. Di antara tujuan penysoalan ialah mendapatkan maklumat, menguji kefahaman, menimbulkan kepekaan, menarik perhatian, membayangkan jawapan, dan mengukuhkan pemahaman. Soalan-soalan berbentuk provokatif atau *thought-provoking* boleh mendatangkan rangsangan dan motivasi untuk pelajar berfikir secara konstruktif dan inovatif. Soalan dibina dalam bentuk ayat mudah, berstruktur atau terbuka. Persoalan boleh diajukan berdasarkan pendekatan konsep Taksonomi Bloom iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sentisis, penilaian, dan apresiasi. Hussein (1992:130) menukilkan bahawa Rutter, *et al.*, (1979) mengenalpasti di antara ciri-ciri sekolah rendah berkesan di United Kingdom ialah penglibatan guru, adanya penyelarasan dan ketekalan guru, sesi berstruktur, pengajaran yang mencabar keintelektualan, perhubungan maksimum antara guru dengan pelajar, persekitaran untuk mengajar dan belajar, dan, iklim positif.

**Tindakan Susulan Melalui Pengayaan dan Pemulihan:** Tindakan susulan merupakan langkah terpenting dalam menilai keberkesanan sebenar pembelajaran murid. Ini dilakukan pada penghujung pengajaran atau selepas membuat penilaian atau ujian formatif atau summatif. Soalan yang dikemukakan perlu dibincangkan semula jawapan sebenar dan rasional setiap jawapan. Langkah ini diikuti pula oleh pemantauan prestasi, di antaranya dengan cara murid-murid yang mendapat pencapaian tinggi dikelompokkan dalam satu kumpulan untuk proses pengkayaan pembelajaran manakala murid-murid lemah dikelompokkan dalam satu kumpulan untuk pemulihan dengan guru memberi perhatian dan tumpuan yang lebih banyak.

Guru perlu *know how to achieve individual and group goals* terutama di dalam bilik darjah yang diajar.

**Pengurusan Bilik Darjah:** Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran amat berkait rapat dengan pengurusan bilik darjah yang berdisiplin, susunan meja dan kerusi yang bersuasana belajar, persekitaran harmoni keilmuan, dan keceriaan wajah ilmuan. Lantaran sedemikian akan membolehkan guru melaksanakan perancangan pengajaran dengan berkesan dan pencapaian pembelajaran maksimum.

Bilik darjah merupakan medan peranan, tanggung jawab dan amanah seseorang guru dalam melaksanakan akauntabiliti profesionnya. Seseorang guru dikategorikan sebagai efektif apabila pengajaran yang disampaikan mendatangkan kesan positif di kalangan pelajar. Tahap efektif guru lazimnya dikaitkan dengan tahap pencapaian pelajar sama ada dalam perolehan pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan apresiasi. Semua ini menjadi *key performance index* terhadap keterampilan guru dan guru efektif. Guru berkebolehan menjangkau perlakuan yang akan berlaku semasa pengajaran, berjenaka deduktif, dan menggunakan kehadirannya dalam bilik darjah dengan terbaik dan sepenuh kebaikan. Aspek ini ditekankan oleh Levin dan Lockheed (1991) dalam sintesisnya mengenai *Effective Schools in Developing and Underdeveloped Countries* mengatakan faktor terpenting yang memberi input positif kepada pencapaian pelajar di negara maju ialah 'proses pembelajaran' di bilik darjah.

Amat kurang bererti kepada seseorang guru yang hebat di luar bilik darjah tetapi mengabaikan akauntabiliti di dalam bilik darjah. Agak tidak relevan sekiranya guru kurang kesungguhan semasa mengajar, motivasi rendah, mengajar dalam terpaksa, menghukum pelajar lebih daripada memotivasi, tiada memberi pujian atau menganugerahi pelajar, masam muka lebih banyak daripada senyum, dan paling serius ialah ponteng tugas mengajar. Pemain bolasepak tidak dikategorikan sebagai pemain jika tidak bermain di padang. Sekiranya di luar padang akan dikelaskan sebagai pemain simpanan, penonton atau tukang sorak.

Perbincangan di atas adalah mengenai sebahagian ciri-ciri guru efektif, yang masih tidak mutlak. Namun, pada kajian penulis, ciri-ciri tersebut telah menyertakan beberapa karakteristik penting dalam klasifikasi guru efektif. Ini selaras dengan Teddie, Kirby dan Stringfield (1989) dalam kajian mengenai *Effective School versus Ineffective School* menyenaraikan tujuh dimensi pengajaran yang berkesan ialah masa belajar, persembahan bahan pengajaran, harapan tinggi, pengukuhan positif, sedikit gangguan belajar, disiplin, dan suasana mesra (*friendly ambience*).

Secara realiti, guru efektif perlu wujud di dalam setiap bidang ilmu dan sektor persekolahan. Peranan mereka amat penting demi memastikan pencapaian khasnya objektif pengajaran dan pembelajaran serta seterusnya pencapaian objektif persekolahan rendah dan menengah.

Di Malaysia, bilangan sekolah rendah tahun 2005 ialah 7 601 buah. Jumlah ini meliputi Sekolah Kebangsaan luar bandar 5 077, bandar 2,524; SJKC luar bandar 650, bandar 637; SJKT luar bandar 356 bandar 169; dan khas luar bandar 4, bandar 24. Enrolmen bertambah 28.2 % daripada 2,447,206 pada tahun 1990 kepada 3,137,280 pada tahun 2005. Bilangan guru sekolah rendah bertambah 58.6% daripada 120,025 pada tahun 1990 kepada 190,336 pada tahun 2005.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) telah menggariskan matlamat pendidikan adalah seperti berikut:

1. memperkembang potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insane yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI)
2. meningkatkan kreativiti dan inovasi dan budaya ilmu pelajar;
3. membudayakan sains dan teknologi dan pembelajaran sepanjang hayat;
4. menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan; dan
5. meningkatkan martabat pendidikan Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Berdasarkan Kementerian Pelajaran Malaysia, objektif persekolahan sekolah rendah ialah membantu perkembangan diri murid, persediaan persekolahan, persediaan persekolahan menengah, pemahaman budaya dan kemahiran sosial, pembinaan minat, keagamaan dan moral, dan, sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Pendidikan sekolah rendah melalui pengajian bagi tempoh enam tahun tetapi boleh diikuti antara lima hingga tujuh tahun. Terdiri daripada sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Pendidikan sekolah rendah amat penting dalam memastikan system pendidikan negara berjalan lancar dan matlamat pembangunan negara dapat dicapai dengan maksimum.

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai masalah sekolah rendah yang dihadapi oleh negara Malaysia (KPM). Di antaranya ialah:

1. Lebih 115,000 (7.7%) murid Tahap 1 sekolah rendah belum menguasai 3M pada tahun 2004.
2. Pada peringkat pendidikan rendah, kadar keciciran sebanyak 1.9% di bandar dan 1.2% di luar bandar bagi kohort 1999 hingga 2004.
3. Pada peringkat menengah, terdapat kadar keciciran 9.3 peratus di bandar dan 16.7% di luar bandar bagi kohort 2000 hingga 2004.
4. Sebanyak 1,639 (21.6%) sekolah rendah tiada bilik sains, dan sebanyak 25 (1.2%) sekolah menengah tiada makmal sains.

Berdasarkan statistik ringkas di atas, seharusnya kita sebagai pendidik perlu bimbang dengan fenomena ini. Jika dibiarkan akan menjadi 'rosak susu sebelanga akibat nila setitik' dan sebahagian mereka akan menjadi 'parasit masyarakat' dalam jangka panjang.

Sehubungan dengan ini, pengkaji merasakan perlu untuk meninjau tentang ciri-ciri guru efektif dan peranan guru dalam mencapai objektif persekolahan rendah berdasarkan perspektif guru besar.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau perspektif Guru Besar-Guru Besar terhadap ciri-ciri 'Guru Efektif' dan 'Peranan Guru mencapai objektif sekolah rendah'.

## KAEDAH, RESPONDEN, ANALISIS DATA

Kajian ini dilakukan melalui tinjauan eksploratori dengan mengedarkan borang soalselidik. Pemilihan responden berdasarkan kaedah convenient sampling yang terdiri daripada Guru Besar-Guru Besar yang sedang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) di Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Kuala Lumpur. Komposisi responden terdiri daripada kaum Melayu – 17: Cina – 14: India – 7: Jumlah: 38 orang. Responden diminta memberikan respons ke atas Skala 5-Likerd. Analisis data soalselidik menggunakan SPSS dan respons dibentangkan dalam peratus dan mean.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan mengenai perspektif guru besar terhadap ciri-ciri guru efektif dengan skor dalam min adalah diringkaskan seperti berikut:

- A. Perspektif Guru Besar terhadap ciri-ciri Guru Efektif:**
1. Pengetahuan, Kemahiran dan Kecekapan Bidang - 4.8371
  2. Menentukan Objektif Pengajaran dan Pembelajaran - 4.7616
  3. Kejelasan penyampaian dan penghuraian isi pelajaran - 4.7296
  4. Pengukuran & Penilaian – 4.6725
  5. Motivasi, Minat dan Mencungkil Sikap Ingin Tahu – 4.6397
  6. Pemulihan & Pengayaan – 4.6281
  7. Keceriaan, Interaksi dan Penglibatan Murid - 4.5732
  8. Menyediakan Rancangan Mengajar - 4.5428
  9. Pengurusan Bilik Darjah – 4.4565
  10. Kepelbagaian Kaedah Mengajar – 4.2782

## Perspektif Guru Besar terhadap Peranan Guru dalam Mencapai Objektif Persekolahan Sekolah Rendah

Berikut dibentangkan secara keseluruhan analisis respons oleh Guru Besar-Guru Besar terhadap peranan guru dalam mencapai objektif persekolahan sekolah rendah:

A.	Perkembangan Asas Kendiri Murid	-	4.5420
B.	<i>Persediaan Persekolahan</i>	-	4.0208
C.	Persediaan Persekolahan Seterusnya	-	4.3240
D.	Persediaan Pekerjaan	-	3.9440
E.	Pemahaman Budaya dan Kemahiran Sosial	-	3.4083
F.	Pembinaan Minat dan Bakat	-	3.4057
G.	Keagamaan dan Moral	-	4.2280
H.	Sumbangan Kepada Masyarakat	-	4.4775

**A. Perkembangan Asas Kendiri Murid:**

Bil.	Objektif Persekolahan:	Tidak Penting 1 %	Kurang Penting 2 %	Tidak Tahu 3 %	Penting 4 %	Sangat Penting 5 %	Mean
1.	Membina penampilan diri murid	0.0	4.2	0.0	54.2	41.7	4.33
2.	Mengetahui perkara betul dan salah	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83
3.	Memberi kesedaran hidup ada tanggung-jawab	0.0	0.0	0.0	37.5	62.5	4.63
4.	Membina keyakinan diri menghadapi persekolahan	0.0	0.0	0.0	45.8	54.2	4.54
5.	Membina kebolehan membuat keputusan	0.0	4.2	0.0	50.0	45.8	4.38

Jadual di atas menunjukkan respons paling tinggi ialah 'Mengetahui perkara betul dan salah dari segi peraturan sekolah, agama dan negara' min 4.83. Respon lain tetap tinggi iaitu melebihi min 4.00. Kecuali dua pernyataan yang mendapat 4.2% iaitu 'Membina penampilan diri murid yang lebih baik' dan 'Membina kebolehan membuat keputusan dan tindakan yang rasional/munasabah' dengan memberi respons Kurang Penting.

**B. Persediaan Persekolahan**

Bil.	Objektif Persekolahan:	Tidak Penting 1 %	Kurang Penting 2 %	Tidak Tahu 3 %	Penting 4 %	Sangat Penting 5 %	Mean
6.	Memastikan kemahiran Membaca, Menulis, Mengira pada Tahap Satu	0.0	0.0	0.0	25.0	75.0	4.75
7.	Memastikan kebolehan menulis dan bertutur bahasa Inggeris	0.0	0.0	0.0	29.2	70.8	4.71
8.	Menyediakan kebolehan membuat ujikaji Sains dengan sendiri	4.2	16.7	4.2	45.8	29.2	3.80
9.	Memastikan kemahiran dan menguasai Matematik	0.0	0.0	0.0	29.2	70.8	4.71
10.	Menyediakan kemahiran belajar sendiri walau dengan menyertai tuisyen	0.0	4.2	8.3	54.2	33.3	4.17

Jadual di atas menunjukkan respons paling tinggi ialah 'Memastikan kemahiran Membaca, Menulis, Mengira pada Tahap Satu' iaitu min 4.75. Respon paling rendah ialah 'Menyediakan kebolehan membuat uji kaji Sains dengan sendiri' dengan min 3.80.



**C. Persediaan Persekolahan Seterusnya:**

Bil.	Objektif Persekolahan:	Tidak Penting 1 %	Kurang Penting 2 %	Tidak Tahu 3 %	Penting 4 %	Sangat Penting 5 %	Mean
11.	Mencapai keputusan cemerlang UPSR	0.0	0.0	4.2	29.2	66.7	4.62
12.	Merancang sendiri sekolah menengah selepas tamat sekolah rendah	0.0	8.3	0.0	79.2	12.5	3.96
13.	Menentukan cita-cita sendiri selepas tamat alam persekolahan	0.0	4.2	4.2	54.2	37.5	4.25
14.	Membina semangat terus bersekolah hingga peringkat tertinggi	0.0	0.0	0.0	16.7	83.3	4.83
15.	Menyediakan kemahiran IREJS -Intelek, Rohani, Emosi, Jasmani dan Sosial	0.0	8.3	0.0	45.8	37.5	3.96

Jadual di atas menunjukkan respons paling tinggi ialah 'Membina semangat terus bersekolah hingga peringkat tertinggi' dengan min 4.83. Dua items mendapat min rendah iaitu 'Merancang sendiri sekolah menengah selepas tamat sekolah rendah' dan 'Menyediakan kemahiran IREJS -Intelek, Rohani, Emosi, Jasmani dan Sosial' kedua-duanya min 3.96.

**D. Persediaan Pekerjaan:**

Bil.	Objektif Persekolahan:	Tidak Penting 1 %	Kurang Penting 2 %	Tidak Tahu 3 %	Penting 4 %	Sangat Penting 5 %	Mean
16.	Menyediakan maklumat tentang pekerjaan terbaik	4.2	8.3	0.0	66.7	20.8	3.91
17.	Menyediakan kemahiran Teknologi Maklumat	0.0	0.0	4.2	29.2	66.7	4.62
18.	Melawat ke berbagai institusi pendidikan tinggi	0.0	16.7	0.0	62.5	20.8	3.86
19.	Melawat ke pelbagai tempat pekerjaan	4.2	45.8	4.2	37.5	8.3	3.00
20.	Membina keyakinan diri selepas alam persekolahan	0.0	8.3	0.0	41.7	50.0	4.33

Jadual di atas menunjukkan respons paling tinggi ialah 'Menyediakan kemahiran Teknologi Maklumat' dengan min 4.62. Skor paling rendah ialah 'Melawat ke pelbagai tempat pekerjaan' min 3.00.

**E. Pemahaman Budaya dan Kemahiran Sosial**

Bil.	Objektif Persekolahan:	Tidak Penting 1 %	Kurang Penting 2 %	Tidak Tahu 3 %	Penting 4 %	Sangat Penting 5 %	Mean
21.	Murid bekerjasama dengan rakan-rakan	0.0	4.2	0.0	66.7	29.2	4.21
22.	Mengajar nilai tradisi amalan berbagai budaya	0.0	20.6	4.2	58.3	16.7	3.71
23.	Sikap bertanggung-jawab kpd masyarakat setempat	0.0	0.0	0.0	66.7	33.3	4.33

Jadual di atas menunjukkan respons paling tinggi ialah 'Sikap bertanggung-jawab kpd masyarakat setempat' dengan min 4.33. Paling rendah ialah 'Mengajar nilai tradisi amalan berbagai budaya' dengan min 3.71.

**F. Pembinaan Minat dan Bakat:**

Bil.	Objektif Persekolahan:	Tidak Penting 1 %	Kurang Penting 2 %	Tidak Tahu 3 %	Penting 4 %	Sangat Penting 5 %	Mean
24.	Mengembangkan bakat murid bermain, bersukan	0.0	4.2	4.2	83.3	8.3	3.96
25.	Berkebolehan menyanyi dan main alat muzik	25.0	37.5	4.2	33.3	0.0	2.46
26.	Berpersatuan & Permainan di luar masa sekolah	0.0	16.7	12.5	62.5	8.3	3.62
27.	Motivasi dan Kemahiran Belajar di sekolah sahaja	0.0	25.0	4.2	58.3	12.5	3.59
28.	Motivasi dan Kemahiran Belajar di hutan lipur	4.2	45.8	4.2	33.3	12.5	3.04
29.	Menyertai Motivasi dan Kemahiran Belajar di IPT	4.2	20.8	4.2	45.8	25.0	3.67
30.	Melawat IPT, Tmn Sains , Planetarium, Muzium, Zoo	00.0	29.2	0.00	58.3	12.5	3.54

Jadual di atas menunjukkan tiada respons dengan skor di atas min 4.00. Skor paling tinggi ialah 'Mengembangkan bakat murid bermain, bersukan' dengan min 3.96. Paling rendah ialah item 'Berkebolehan menyanyi dan main alat muzik' dengan min 2.46.

**G. Keagamaan dan Moral:**

Bil.	Objektif Persekolahan:	Tidak Penting 1 %	Kurang Penting 2 %	Tidak Tahu 3 %	Penting 4 %	Sangat Penting 5 %	Mean
31.	Membina kehidupan murid berpegang agama	0.0	4.2	0.0	20.8	75.0	4.67
32.	Membina moral universal	0.0	0.0	0.0	33.3	66.7	4.67
33.	Membina sikap berbaik dengan semua kaum	0.0	4.2	0.0	50.0	45.8	4.38
34.	Berbakti kepada ibu-bapa terutama apabila dewasa	0.0	4.2	0.0	20.8	75.0	4.67
35.	Menghormati semua orang tua termasuk bukan keluarga sendiri	0.0	0.0	0.0	25.0	75.0	4.75

Jadual di atas menunjukkan semua items mendapat skor di atas min 4.00. Skor tertinggi ialah 'Menghormati semua orang tua termasuk bukan keluarga sendiri' dengan min 4.75.

**H. Sumbangan Kepada Masyarakat:**

Bil.	Objektif Persekolahan:	Tidak Penting 1 %	Kurang Penting 2 %	Tidak Tahu 3 %	Penting 4 %	Sangat Penting 5 %	Mean
36.	Menghayati persekitaran sentiasa jaga kebersihan	0.0	4.2	0.0	62.5	33.3	4.25
37.	Memelihara harta awam telefon, pondok bas, tandas	0.0	0.0	0.0	50.0	50.0	4.50
38.	Menghormati, memelihara perpaduan	0.0	0.0	0.0	45.8	54.2	4.54
39.	Mempertahankan negara dari musuh, dadah, jenayah	0.0	4.2	0.0	25.0	70.8	4.62

Jadual di atas menunjukkan semua items mendapat skor di atas min 4.00. Skor tertinggi ialah 'Mempertahankan negara dari ancaman musuh, dadah, dan jenayah' dengan min 4.62.

## I. Tanggung-jawab Pencapaian Objektif

Bil.	Objektif Persekolahan:	Tidak Penting 1 %	Kurang Penting 2 %	Tidak Tahu 3 %	Penting 4 %	Sangat Penting 5 %	Mean
40.	Tanggung-jawab Guru Besar sepenuhnya	4.2	50.0	0.0	25.0	20.8	3.08
41.	Tanggung-jawab guru sepenuhnya	4.2	41.7	0.0	29.2	20.8	3.13
42.	Tanggung-jawab ibu-bapa sepenuhnya	0.0	33.3	0.0	33.3	25.0	3.33
43.	Guru memberi sumbangan tambahan secara sukarela	0.0	4.2	4.2	75.0	16.7	4.04
44.	Ibubapa beri sumbangan seperti dirancang sekolah & PIBG	0.0	0.0	12.5	70.8	16.7	4.04
45.	Tanggung-jawab Kementerian Pendidikan Malaysia	8.3	8.3	4.2	37.5	41.7	3.96
46.	Tanggung-jawab Wakil Rakyat/ ahli politik	16.7	20.8	4.2	29.2	29.2	3.33

Jadual di atas menunjukkan semua items mendapat skor tertinggi ialah 'Guru memberi sumbangan tambahan secara sukarela' dan 'Ibubapa beri sumbangan seperti dirancang sekolah & PIBG' dengan skor min 4.04. Skor paling rendah ialah 'Tanggung-jawab Guru Besar sepenuhnya' dengan min 3.08.

Rumusan daripada data di atas menunjukkan bahawa persepsi guru besar terhadap peranan guru mencapai objektif sekolah rendah mengikut skor min adalah seperti berikut:

- |    |                                       |   |        |
|----|---------------------------------------|---|--------|
| 1. | Perkembangan Asas Kendiri Murid       | - | 4.5420 |
| 2. | Sumbangan Kepada Masyarakat           | - | 4.4775 |
| 3. | Persediaan Persekolahan Seterusnya    | - | 4.3240 |
| 4. | Keagamaan dan Moral                   | - | 4.2280 |
| 5. | <i>Persediaan Persekolahan</i>        | - | 4.0208 |
| 6. | Persediaan Pekerjaan                  | - | 3.9440 |
| 7. | Pemahaman Budaya dan Kemahiran Sosial | - | 3.4083 |
| 8. | Pembinaan Minat dan Bakat             | - | 3.4057 |

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dipaparkan di atas, jelaslah bahawa terdapat ciri-ciri guru efektif yang berlainan dari segi keutamaan. Guru Besar mempunyai persepsi yang berbeza-beza terhadap peranan guru dalam mencapai objektif sekolah rendah. Semoga dapatan kajian awal ini menjadi inspirasi untuk kajian yang lebih terperinci demi manfaat pendidikan negara terutama dalam usaha untuk menghasilkan guru efektif serta memperkasa keterampilan mereka ke arah pencapaian objektif sekolah rendah yang merupakan asas sistem pendidikan Malaysia. "Sepurnama penceritaan tak seindah sedetik pengalaman"

## RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid (1999). *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2000) *Kemahiran Interpersonal untuk Guru Bestari*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Brown, S & McIntyre, D. (1993). *Making Sense of Teaching*. Buckingham: Open University Press.
- Dick, W. & Reiser, R.A. (1989) *Planning Effective Instruction*. New Jersey: Prentice Hall.
- Flanders, N. (1970). *Analysing Teaching Behaviour*. New York: Addison-Wesley.
- Hormachek, D. (1975). *Characteristics of Good Teachers and Implication for Education in Teaching Effectiveness*. Englewood: New Jersey.
- Kyriacou, C. (1986) *Effective Teaching in Schools*. UK: Simon and Schuster Education.
- Mohamad Johdi Salleh. (2004). *Pengurusan Standard Guru Efektif*. Kertas Kerja Seminar Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Sahari Nordin. (2002). *Pengujian dan Penaksiran di Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Omardin Ashaari (2001). *Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Guru di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Perrot. E. (1982). *Effecting Teaching: A Practical Guide to Improving Your Teaching*. London: Longman.
- Stephens, P. and Crawley, T. (1994). *Becoming an Effective Teacher*. Great Britain: Stanley Thornes Ltd.